

Jambatan melengkung elak roboh kena rempuh

KUALA LUMPUR: Semua jambatan merentangi sungai yang akan dibina menerusi peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan menggunakan reka bentuk melengkung bagi mengelak ia roboh dihentam sisa, termasuk balak yang hanyut dibawa aliran air.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata ia berikutan berlaku runtuhan jambatan ketika banjir besar terutama di Johor serta kejadian sebelum ini.

Katanya, ia pendekatan jangka pendek memperbaiki kelemahan perancangan berkaitan sistem aliran termasuk sungai.

"Pada peringkat JPS, kita sudah buat keputusan supaya semua jambatan yang merentasi sungai tidak lagi sama paras, tetapi berbentuk melengkung. Ia bagi membolehkan sisa balak atau apa-apa di sungai itu dapat terus dibawa air.

"Kita lihat balak yang besar dibawa air menghentam jambatan dan tebing (kerana reka bentuk jambatan mendatar)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku *Think Out of The Block With Sudoku* di Kedutaan Jerman di sini, semalam.

Hadir sama, Duta Jerman ke Malaysia, Herbert D Jess dan penulis buku berkenaan, Jeff H S Keow.

Azmi berkata, JPS, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah membuat perancangan bersepadu bagi memulihkan atau membina semula pelbagai kemudahan infrastruktur yang rosak atau musnah akibat banjir.

"Ketiga-tiga agensi ini diarah bekerja bersama menyediakan satu senarai infrastruktur yang perlu disiapkan.

"Ini mesti dilakukan secara koordinasi. Jika setiap agensi buat dengan cara sendiri, ia tidak efektif untuk melakukan pendekatan komprehensif. Apa yang kerajaan buat sekarang adalah usaha bersungguh-sungguh untuk membantu mangsa," katanya.